

Pemimpin politik sertai 20,000 penyokong himpunan 1 Mei bantah GST
Malaysian Insider
Mei 1, 2014

Kira-kira 20,000 orang yang berkumpul di empat lokasi untuk menyertai perhimpunan anti GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) 1 Mei, berhimpun di depan bangunan Sultan Abdul Samad di Jalan Raja, Kuala Lumpur.

Beberapa kumpulan mula tiba di empat lokasi pertemuan – KLCC, Sogo, Dataran Maybank dan Jalan Raja Laut sejak seawal jam 1 petang tadi.

Mereka berjalan menuju depan bangunan Sultan Abdul Samad di Jalan Raja, yang terletak bersebelahan Dataran Merdeka.

Perhimpunan anjuran gabungan 95 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu dijadualkan berlangsung dari jam 2 hingga 5 petang ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika menyampaikan ucapan Belanjawan 2014 pada Oktober lalu mengumumkan GST akan dilaksanakan bermula April, 2015.

Ia mencetuskan kebimbangan kenaikan harga barangan dan menambah beban kepada kebanyakan isi rumah Malaysia yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Perhimpunan yang diadakan serentak dengan sambutan Hari Buruh di seluruh dunia, bertemakan "Anti GST – Hingga ia digugurkan" dan ia dijangka dihadiri pemimpin pembangkang termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Terdahulu, di Butterworth, Pulau Pinang, kira-kira 300 orang berkumpul dalam perhimpunan anjuran Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) negeri untuk meluahkan isu yang menjejaskan pekerja dalam pelbagai industri.

Permintaan mereka ialah menggesa kerajaan menghapuskan rancangan untuk mengenakan GST, pemberian elaun sara hidup (Cola) sebanyak RM300 kepada pekerja swasta dan meningkatkan gaji minimum daripada RM900 kepada RM1,500.

Speaker di perhimpunan itu termasuk Timbalan Ketua Menteri II, Dr P Ramasamy; Pengerusi Bersih wilayah utara, Datuk Dr Toh Kin Woon dan Adun Machang Bubuk, Lee Khai Loon.

Ketua MTUC Pulau Pinang, S Ravindran, berkata khalayak yang datang tidak seramai yang dijangkakan penganjur mungkin kerana pekerja takut berdepan dengan masalah jika menyertainya.

Katanya, mereka mempunyai tanggapan perhimpunan itu adalah haram kerana ada akhbar melaporkan acara hari ini tidak mendapat permit polis.

“Itu tidak benar. Akhbar yang melaporkan sedemikian tidak bertanya kepada kami. Kami mendapat permit untuk perhimpunan ini,” katanya.

Mereka pada awalnya menjangka kira-kira 5,000 orang akan datang ke acara itu.

The Malaysian Insider akan membawakan kepada pembaca perkembangan terkini secara langsung perhimpunan 1 Mei di Kuala Lumpur.

PERKEMBANGAN TERKINI:

12.40pm: Walaupun orang ramai mula berkumpul di empat lokasi pertemuan, situasi tenang. Polis trafik mengawal perjalanan trafik.

12.53pm, KLCC: Polis memasang halangan di depan Dewan Filharmonik Petronas untuk mengawal kawasan itu. Sekumpulan anggota polis berkawal di pintu masuk pejabat Petronas. Orang awam tidak dibenarkan masuk ke kawasan berhalangan.

1pm, KLCC: Kira-kira 30 mahasiswa tiba, melaungkan slogan anti GST dan anti Najib. Sekumpulan kira-kira 100 orang berkumpul di sana, berpakaian merah dan hitam bersama skaf anti GST. Ramai yang membawa bendera slogan anti GST dan ahli Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM).

1pm, KLCC: Kelihatan pemimpin SAMM, Che Gu Bard mengetuai penyokong yang berkumpul di situ. Beliau memberikan arahan menggunakan pembesar suara dari kenderaan pacuan empat rodanya. Semakin ramai yang datang dan kumpulan makin besar.

1.15pm, Jalan Tuanku Abdul Rahman: Kira-kira 3,000 orang berjalan dari Sogo menuju ke Dataran Merdeka.

1.20pm, KLCC: Sekumpulan lagi ahli SAMM baru tiba dan menyertai kumpulan di depan pintu masuk KLCC.

1.23pm, Sogo: Kira-kira 2,000 penyokong berkumpul di depan Sogo sambil ada yang melaungkan slogan GST bangsat.

1.31pm, Sogo: Ahli Parlimen Kelana Jaya daripada PKR, Wong Chen hadir untuk turut serta bersama penyokong berjalan ke bangunan Sultan Abdul Samad berhampiran Dataran Merdeka di Jalan Raja. Wong berkata, pihak berkenaan boleh bercakap mengenai hudud, tetapi orang ramai lebih risau periuk nasi masi-masing. GST akan menjadi faktor penentu dalam pilihan raya akan datang.

1.41pm, KLCC: Orang ramai yang duduk di depan KLCC dihiburkan dengan lagu yang didendangkan oleh seorang lelaki.

2pm, Sogo: Timbalan Presiden PAS, Mohamad Sabu mula menyampaikan ucapan. Beliau beri amaran penyokong jangan pijak rumput di Dataran Merdeka.

Orang ramai mula melaungkan slogan "Undur Najib, letak jawatan", "Bantah GST", "Hidup rakyat".

Ahli Parlimen Bukit Katil, Shamsul Iskandar akan mengetuai kumpulan berarak dari Sogo ke Dataran Merdeka.

Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad memberikan ucapan dan berkata keputusan Mahkamah Rayuan minggu lalu mengiktiraf perhimpunan aman. Katanya, rakyat mahu menyampaikan mesej jelas kepada kerajaan, rakyat menolak GST.

2.02pm, KLCC: Kira-kira 300 orang berkumpul di depan KLCC.

2.08pm, Sogo: Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh dalam ucapannya berkata, rakyat letih apabila kerajaan menyebabkan rakyat semakin susah. Tolak Umno BN, tolak GST, katanya.

2.09pm, KLCC: Datuk Ambiga Sreenevasan mengetuai laungan "Bersih, Bersih. Hidup rakyat, bantah GST".

2.09pm, Sogo: Ahli Parlimen Subang, R Sivarasa dalam ucapannya berkata, perhimpunan hari ini adalah hak rakyat untuk menolak kezaliman kerajaan Barisan Nasional. Katanya, kerajaan hanya mahu membebankan rakyat miskin dan pertengahan dengan GST sementara negara lain mengenakan cukai kepada golongan kaya sahaja.

2.18pm, Masjid Negara: Orang ramai mula berarak melaungkan slogan "Reformasi, tolak GST".

2.19pm, Sogo: Naib Presiden PAS, Salahuddin Ayob dalam ucapannya berkata, perhimpunan hari ini untuk mempertahankan rakyat kerana Umno BN gagal berbuat demikian.

2.20pm, Sogo: Kumpulan penyokong dari Sogo mula bergerak ke Jalan Raja.

2.30pm, Masjid Negara: Kira-kira 5,000 penyokong berjalan ke Jalan Raja untuk menyertai perhimpunan. Trafik sesak di depan Masjid Negara. Unit Amal PAS sedang memberikan arahan kepada orang ramai.

2.34pm, KLCC: Penyokong mula bergerak meninggalkan KLCC dan menuju ke Jalan Raja.

2.59pm, Masjid Negara: Kumpulan diketuai Datuk Saifuddin Nasution Ismail, Mohamed Azmin Ali, Khalid Samad, Datuk Mahfuz Omar, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad.

3.03pm, Bangunan Sultan Abdul Samad: Kumpulan dari Sogo tiba di lokasi perhimpunan. Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail dalam ucapannya berkata, wanita yang paling terkesan dengan kenaikan harga barang kerana golongan itu yang banyak membeli barang di pasar.

3.08pm, Dataran Merdeka: Timbalan Presiden PKR dan Ahli Parlimen Gombak, Mohamed Azmin Ali berkata perhimpunan hari ini menampilkan peserta pelbagai bangsa dan umur bangkit menentang kerajaan BN.

3.25pm, Dataran Merdeka: Aktivis pelajar Adam Ali berkata perhimpunan Bersih dan bantah Lynas dibenarkan masuk Dataran Merdeka.

3.40pm, Dataran Merdeka: Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar mendakwa Putrajaya menggunakan duit rakyat untuk memperkayakan kroni. Beliau menyelar pemilikan kapal selam Scorpene yang disifatkan "tidak berguna" kerana tidak dapat membantu dalam pencarian penerbangan MH370.

3.45pm, Dataran Merdeka: Nurul kepada Najib: "Anda adalah perdana menteri minoriti, cuba mula dengar pendapat rakyat."

3.51pm, Dataran Merdeka: Sebahagian daripada himpunan bersurai.

4pm, Dataran Merdeka: Ahli Parlimen Saifuddin Nasution berkata pada 1998, rakyat berhimpun memprotes ketidakadilan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim. Perhimpunan hari ini tidak melanggar undang-undang dan mahkamah memihak kepada Akta Perhimpunan Awam minggu lalu.

4.05pm, Dataran Merdeka: Helikopter polis berlegar di ruangan udara sekitar Dataran Merdeka. Cuaca bertukar buruk dan orang ramai bersurai.

4.15pm, Dataran Merdeka: Bekas Pengerusi Bersih 2.0, Datuk S Ambiga memberi ucapan pendek, "Bantah GST, hidup rakyat". Cuaca bertambah buruk.

4.18pm, Dataran Merdeka: Pemimpin Himpunan Hijau anti-Lynas, Wong Tack berkata sudah sampai masa "rakyat dah kering disebabkan kenaikan kos hidup. Kita di sini beribu orang tapi kalau berjuta, kita ada kuasa besar untuk menjatuhkan kerajaan Umno-BN".

4.21pm, Dataran Merdeka: Tian Chua naik pentas, berterima kasih kepada kerajaan kerana menyatukan rakyat dengan implementasi GST.

4.23pm, Dataran Merdeka: Anwar berkata himpunan kali ini mengejutkan kerajaan. Ia memberitahu kerajaan rakyat tidak menyokong pelaksanaan GST, "GST hanya memperkayakan kroni".

4.25pm, Dataran Merdeka: Anwar memberi penghormatan Karpal Singh. Beliau juga menyelar laporan Utusan Malaysia dan TV3 yang menyatakan hanya 1,000 orang menyertai himpunan bantah GST.

4.30pm, Dataran Merdeka: Anwar berkata ramai orang menyuarakan kesusahan mereka kepada pemimpin Pakatan Rakyat akibat kenaikan kos hidup dan kerisauan mengenai pelaksanaan GST.

4.35pm, Dataran Merdeka: Anwar memberi amaran kepada Putrajaya rakyat tidak lagi takut... "Tuhan dan kuasa rakyat di pihak kami". Katanya, himpunan itu adalah kejayaan bagi pihak rakyat dan pembangkang dan penyokongnya akan teruskan himpunan sehingga Putrajaya akur kepada rakyat.

4.40pm, Dataran Merdeka: Anwar berkata bekas timbalan Presiden Amerika Syarikat Al Gore dan pemimpin UK memintanya kekal di London semasa rayuan kes liwat. "Saya beritahu mereka saya mesti berada di Malaysia untuk berjuang dengan rakyat. Kita mesti bangkit menentang kekejaman kerajaan, menentang polisi yang menyeksa rakyat."

4.45pm, Dataran Merdeka: Anwar berterima kasih kepada orang ramai kerana menyokong himpunan bantah GST dan menasihatkan mereka beredar dengan aman dan teratur.

4.50pm, Dataran Merdeka: Himpunan berakhir dengan doa kesyukuran dan orang ramai mula beredar, mengikut arahan kumpulan keselamatan dari Pakatan Rakyat.

4.55pm, Dataran Merdeka: Polis masuk Dataran, memerhati orang ramai beredar. Tiada tanda kacau atau masalah antara orang ramai dan polis.

5.15pm, Dataran Merdeka: Pergaduhan tercetus antara petugas media dan 50 anak muda yang menggelar diri kumpulan anarki.

5.20pm, Dataran Merdeka: Kumpulan anak muda membuang botol air dan suar ke arah petugas media di Jalan Raja. Aktivis Chegu Bard berkata anak-anak muda itu bukan daripada mana-mana kumpulan pelajar yang terlibat dalam organisasi himpunan, termasuk Solidariti Anak Muda Malaysia. – 1 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/penyokong-perhimpunan-1-mei-mula-berkumpul-untuk-bantah-gst>